

KEMENTERIAN
PENERANGAN
KOMUNIKASI
& KEBUDAYAAN



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



Transformasi minda

PERPUSTAKAAN
NEGARA
MALAYSIA



Sila ambil gambar kod QR
dengan telefon pintar untuk
akses maklumat yang lengkap



Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

:: VISI

*Peneraju Pembangunan,
Perkhidmatan, Kepimpinan
Perpustakaan Bertaraf Dunia*




:: MISI

Memimpin dalam Pembangunan Perpustakaan
dan Perkhidmatan Maklumat

Menjadi Pusat Kecemerlangan Warisan
Intelek Negara

Mengurus dan Menyediakan Kemudahan Akses
Sumber Maklumat Negara

Menjadi Penggerak Utama Memupuk Budaya
Membaca Rakyat Malaysia



Lokasi

Perpustakaan Negara Malaysia terletak di 232 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. PNM terbahagi kepada dua (2) blok iaitu Anjung Bestari dan Menara PNM yang dibina di kawasan seluas lima (5) ekar bersebelahan Wisma Bernama dan berhadapan Institut Jantung Negara.

Rekabentuk Senibina

Konsep senibina bangunan berasaskan bentuk tengkolok yang merupakan kebanggaan identiti dan warisan budaya Melayu.

Bentuk tengkolok melambangkan aspirasi negara menjana ketinggian pemikiran dan daya intelek serta nilai-nilai murni masyarakat Malaysia di persada dunia.

Gabungan tiga bumbung yang berbentuk tengkolok bercantum di halaman 'laman ilmu' menggambarkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum. Susunan jubin bumbungnya menghasilkan corak songket yang menjadi warisan dan seni Malaysia.

Kemudahan

PNM menyediakan kemudahan seperti auditorium, bilik perbincangan, bilik tayangan, bilik serbaguna, kantin, surau serta parkir kenderaan untuk keselesaan pengguna.





:: WAKTU PERKHIDMATAN

- **SELASA-SABTU**
10:00 PAGI-7:00 MALAM
- **AHAD**
10:00 PAGI-6:00 PETANG
- **ISNIN/CUTI AM**
TUTUP



Pendaftaran

Setiap individu yang menggunakan perkhidmatan dan kemudahan PNM mestilah berdaftar sebagai ahli.

PNM menyediakan pendaftaran ahli secara atas talian melalui laman sesawang www.pnm.gov.my

Keahlian adalah percuma dan sah untuk tempoh tiga tahun.

Kategori

Kanak-kanak

12 tahun ke bawah

Dewasa

13 tahun ke atas

Keluarga

Suami/isteri dan anak berumur 12 tahun ke bawah

Proses Pendaftaran

Dokumen yang diperlukan semasa pendaftaran:

- MyKad bagi 12 tahun ke atas
- Salinan sijil kelahiran/MyKid bagi 12 tahun ke bawah atau
- Satu salinan pasport bagi bukan warganegara.

PERKHIDMATAN PNM

PNM menyediakan perkhidmatan rujukan dan perujukan, pinjaman kepada orang ramai dan perkhidmatan kepada penerbit.

Perkhidmatan Rujukan
PNM menyediakan koleksi perpustakaan yang boleh dirujuk oleh pembaca. Koleksi terdiri daripada buku, majalah, jurnal, surat khabar dan bahan elektronik terbitan Malaysia dan luar negara.

Koleksi perpustakaan meliputi bidang perkara:

- Karya Am
- Falsafah dan Fahaman yang berkaitan
- Agama
- Sains Kemasyarakatan
- Bahasa
- Sains Tulen

- Sains Gunaan
- Kesenian
- Kesusasteraan
- Geografi dan Sejarah Am

Perkhidmatan Pinjaman
PNM menyediakan perkhidmatan pinjaman bagi koleksi kanak-kanak dan koleksi dewasa di lokasi tertentu. Pinjaman dibenarkan kepada ahli berdaftar PNM sahaja.

Perkhidmatan Kepada Penerbit
PNM adalah Pusat Kebangsaan bagi pengeluaran nombor ISBN/ISSN dan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) di Malaysia.

International Standard Book Number (ISBN)
Nombor ISBN ialah nombor unik untuk mengenal pasti judul buku dan penerbit bagi sesebuah negara.

International Standard Serial Number (ISSN)
Nombor ISSN ialah nombor unik bagi mengenal pasti penerbitan bahan berkala (bersiri) seperti majalah dan surat khabar yang diterbitkan di sesebuah negara.

Perkhidmatan ini disediakan secara percuma.



Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP)

P D P merupakan perkhidmatan pengeluaran data entri katalog (nama pengarang, judul buku, nombor ISBN/ISSN dan bidang perkara utama) yang diberikan kepada penerbit di Malaysia sebelum sesuatu judul diterbitkan.

Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

SPP membolehkan perkongsian sumber perpustakaan dalam kalangan ahli yang menyertai SPP melalui penyediaan bekalan

penerbitan dalam bentuk asal atau salinan untuk meningkatkan akses kepada maklumat bagi tujuan pengajian, pengajaran dan penyelidikan untuk pengguna dalam dan luar negara.

Pinjaman Berkelompok

Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok adalah perkhidmatan pinjaman sebanyak 300 buah buku bagi tempoh tiga (3) bulan kepada institusi yang berdaftar sebagai ahli PNM. Pendaftaran keahlian adalah percuma.





Di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) rekod bibliografi setiap bahan yang diterima akan diwujudkan dan diterbitkan secara atas talian.

Pencarian bahan boleh dicapai melalui Sistem Katalog Atas Talian (SKAT) PNM di www.pnm.gov.my atau Katalog Induk Kebangsaan (KIK) melalui kik.pnm.my

Pengindeksan judul-judul terpilih majalah terbitan Malaysia juga disediakan.

Penasihat Pembaca

Perkhidmatan ini meliputi menjawab pertanyaan rujukan yang diterima di Kaunter Penasihat Pembaca secara bersemuka, menerusi telefon, faks, surat dan e-mel.

Pendokumentasian

PNM mengkatalog, mengelas dan menyimpan rekod bahan bacaan di dalam pangkalan data.

Pemuliharaan

Pemuliharaan koleksi perpustakaan menerusi kaedah pengawetan, penjilidan dan pembaikan adalah penting agar tempoh jangka hayat bahan perpustakaan sebagai khazanah intelek negara dapat dipanjangkan untuk rujukan generasi akan datang.



Khidmat Nasihat dan Perundingan

PNM menyediakan khidmat nasihat dan perundingan kepada Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta serta Pertubuhan Bukan Kerajaan yang merancang untuk

menubuhkan perpustakaan baru atau menaik taraf sistem perkhidmatan perpustakaan sedia ada.

Perkhidmatan ini meliputi aspek-aspek berikut:

- perancangan keseluruhan untuk penubuhan perpustakaan baru;

- khidmat teknik dan pendokumentasian;
- perkhidmatan perpustakaan; dan
- Sistem Perpustakaan Bersepadu.





Transformasi
minda

ANJUNG BESTARI

ARAS

Bilik Tayangan, Koleksi Terbitan Bersiri Umum, Koleksi Harvard, Koleksi Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Koleksi Khas ASEAN, Koleksi Media Elektronik, Pusat Hipermedia 4



Bilik Kajian, Koleksi Monograf Umum, ISBN/ISSN/PDP 3



Auditorium, Zon Siber, Koleksi Maklumat Perniagaan 2



Kaunter Penerangan dan Pendaftaran Keahlian, Dewan Pameran, Bilik Serbaguna, Bilik Media 1



Perpustakaan Kanak-kanak, Teateret Kanak-kanak, u-Pustaka, Pusat Hipermedia Kanak-kanak B



3



4



ARAS

B

1

2

:: PERISTIWA PENTING

1956

Malayan Library Group mengemukakan memorandum *Public Library Services for Federation of Malaya* dan mencadangkan penubuhan Lembaga Perpustakaan Negara Malaysia.

1963

Laporan kajian penubuhan Perpustakaan Negara di Kuala Lumpur disediakan oleh Arkib Negara Malaysia 1966 Akta *Pemeliharaan Buku-Buku 1966 (Akta 35)* diluluskan. Perpustakaan Negara ditubuhkan sebagai sebuah unit di bawah Arkib Negara. Akta *Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80)* diluluskan.

1977


Perpustakaan Negara menjadi sebuah Jabatan Kerajaan Persekutuan.

1986

Akta *Pemeliharaan Buku-Buku 1966 (Akta 35)* diganti dengan Akta *Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*.

2000

Perpustakaan Negara Malaysia mendapat persijilan MS ISO 9001 : 2000.



MENARA PNM

ARAS

- 12,13,14,15 Pejabat Ketua Pengarah
Pejabat-Pejabat Pengurusan
- 11 Koleksi Manuskrip Melayu
- 10 Koleksi Nadir, Koleksi Peribadi
- 9 Koleksi Terhad, Sulit, Haram, Akta dan Enakmen
- 8 Koleksi Monograf Malaysiana, Koleksi Fana, Koleksi Peta, Arkib PNM, Koleksi White Spot
- 7 Koleksi Monograf Malaysiana
- 6 Koleksi Terbitan Bersiri Malaysiana, Koleksi Surat Khabar dan Mikrofilem
- B,1,2,3,4,5 Pakir Kereta PERCUMA



ARAS

1987
Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987 (Akta A667) diluluskan.

1992
Perpustakaan Negara Malaysia mula beroperasi di bangunan baru, di 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur.

2003
Beberapa bahagian di Perpustakaan Negara Malaysia telah berpindah ke bangunan TH Selborn, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

2006
Bahagian Pinjaman memulakan operasi di aras 3 & 4, Menara Wisma Sejarah, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur.

2010
Menara Perpustakaan Negara Malaysia siap dibangunkan dan mula diduduki pada Julai 2010.

- Laluan OKU
- Tandas Awam
- Surau
- Lif
- Kantin
- Pakir
- Telefon Awam
- Bilik Simpanan Bagasi

ANJUNG BESTARI

ARAS BAWAH

Perpustakaan Kanak-kanak
Perpustakaan Kanak-Kanak terletak di Anjung Seri, Aras Bawah. Perkhidmatan yang disediakan kepada pengunjung antaranya:

Pinjaman Koleksi Kanak-kanak

Perkhidmatan Pinjaman Kanak-Kanak disediakan kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah. Seorang ahli perpustakaan dibenarkan meminjam tiga (3) naskah buku selama tiga (3) minggu.

ARAS 1

Kaunter Penerangan dan Pendaftaran Keahlian

Orang ramai boleh mendaftar keahlian Perpustakaan Negara Malaysia secara atas talian melalui laman web <http://www.pnm.gov.my> atau datang ke kaunter pendaftaran di Aras 1.

Bilik Serbaguna

Bilik serbaguna untuk disewa mengikut kadar dan peraturan Perpustakaan Negara Malaysia.



Pusat Hipermedia Kanak-Kanak

Perkhidmatan yang disediakan adalah Sudut Komputer, Sudut Muzik dan Sudut Cerita.

Teateret Kanak-Kanak

Ruang aktiviti dengan keluasan 1,012 kps dan boleh memuatkan 150 orang bagi satu sesi. Kemudahan ini boleh disewa mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Kemudahan: Gelongsor Buku, tandas, Bilik Bagasi, Surau.

Dewan Pameran

Ruang Pameran dengan keluasan 4,531 kps untuk pameran dan Pameran Koleksi Terbitan PNM. Ruang boleh disewa tertakluk kepada kadar dan peraturan Perpustakaan Negara Malaysia.

Kemudahan: Tandas VIP, Bilik Media, Lif, Ruang Menunggu.

u-Pustaka

PNM telah memperluas jalinan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi



dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di negara ini melalui pelaksanaan Projek Rintis Perpustakaan Ubiquitous (u-Pustaka).

Inisiatif digital u-Pustaka dipacu menerusi tujuh (7) komponen pembangun iaitu prasarana jalur lebar; Portal u-Pustaka; perkhidmatan pinjaman secara terus menerusi pengintegrasian Sistem Pengurusan Perpustakaan dan teknologi RFID; saluran penghantaran buku melalui Pos Malaysia; pembayaran tanpa tunai serta akses kepada kandungan tempatan dan antarabangsa dalam bentuk fizikal dan digital. Portal u-Pustaka boleh diakses di www.u-library.gov.my/ www.u-pustaka.gov.my

ARAS 2 - Blok Tengah *Zon Siber*

Menyediakan perkhidmatan internet kepada semua pengguna perpustakaan secara percuma.

Koleksi Maklumat Perniagaan

Koleksi ini menyediakan bahan rujukan terbitan luar negara berkaitan perniagaan dan perdagangan.

Auditorium

Digunakan untuk mengadakan majlis rasmi berkaitan ilmiah seperti persidangan, seminar dan latihan. Ruang boleh disewa tertakluk kepada kadar dan peraturan yang ditetapkan.

Kemudahan: Bilik Menunggu dan tandas

ARAS 3 - Blok Tengah *Koleksi Monograf Umum*

Koleksi ini merupakan bahan terbitan luar negara seperti buku, direktori, buku

panduan, atlas, almanak dan lain-lain daripada pelbagai bidang perkara untuk rujukan pengguna.

ARAS 4 - Blok Tengah *Koleksi Terbitan Bersiri Umum*

Koleksi yang disediakan adalah seperti majalah, jurnal, buku panduan dan surat khabar luar negara. Simbol yang digunakan untuk bahan-bahan dalam koleksi ini ialah S, SR, FF dan F.

Koleksi Harvard

Koleksi ini dibangunkan dengan kerjasama Kelab Alumni Harvard Malaysia sejak tahun 2000. Bahan yang terdapat dalam koleksi ini terdiri daripada buku dan terbitan bersiri dalam bidang perniagaan dan pengurusan. Koleksi ini diterbitkan oleh *Harvard University Press*, *Harvard Business School* dan *Harvard Business Publishing*.



ANJUNG BESTARI

ARAS 4 - Blok Tengah
Koleksi Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
Perpustakaan Negara Malaysia merupakan Pusat Penyerahan Terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak tahun 1976. Bahan terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pelbagai agensi di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu seperti IAEA, ILO, FAO, UNESCO, WHO, World Bank, IFC, IMF, WIFO, UNIDO, GATT yang diperolehi dalam bentuk monograf, laporan tahunan dan terbitan bersiri disediakan untuk rujukan pembaca.

Koleksi Khas ASEAN
Koleksi ASEAN (Association of Southeast Asian Nations) ini terdiri daripada bahan terbitan ASEAN Secretariat yang mengandungi koleksi mengenai negara-negara Asia Tenggara, yang menganggotai ASEAN seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina, Kemboja, Laos, Myanmar, Brunei Darussalam dan Vietnam. Koleksi ini

merangkumi pelbagai bidang perkara seperti sosial, kebudayaan, ekonomi, politik dan pembangunan warisan negara setiap negara ASEAN.

Koleksi Media Elektronik
Menyediakan bahan-bahan tidak bercetak terbitan tempatan dan luar negara dalam pelbagai bentuk seperti kaset audio, cakera padat, pita video digital dan cakera audio. Koleksi ini tersedia untuk rujukan sahaja.

Pusat Hipermedia
Pusat Hipermedia dilengkapi dengan 30 buah komputer multimedia dan menyediakan perkhidmatan berikut:

- Internet
- eBooks
- Pangkalan data dalam talian seperti EBSCO, CLJ, Masticlink, BOND, MPOB, Nexis dan Sirimlink
- Audio dan Video on Demand
- Interactive Learning

Kemudahan: Tandas, Bilik Tayangan

ARAS 6-10


Koleksi Malaysiana

Koleksi Malaysiana merangkumi bahan yang diterbitkan di Malaysia dan/ atau mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia dan/atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan. Koleksi Malaysiana di Perpustakaan Negara Malaysia meliputi bahan bercetak (buku, majalah, surat khabar, laporan tahunan, buku tahunan, buku panduan, jurnal, statistik, warta kerajaan, kertas seminar dan kertas persidangan). Bahan Malaysiana tersedia untuk rujukan sahaja.

ARAS 6

Koleksi Surat Khabar

Koleksi surat khabar terdapat dalam tiga bentuk iaitu bentuk asal, mikrofilm dan mikrofilem. Perkhidmatan ini membolehkan pengguna mengakses surat khabar terbitan kebelakangan atau terbitan yang lepas. Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai koleksi surat khabar yang diterbitkan seawal tahun 1883 (*The Straits Times*).



ARAS 8

Koleksi Fana

Merangkumi bahan yang dicetak sekali sahaja (ephemeral) seperti poskad, brosur, buku program/atur cara, poster, setem, sampul surat dan seumpamanya yang diperolehi dari institusi atau organisasi luar. Bahan ini boleh dirujuk oleh kakitangan dan juga agensi-agensi luar.

ARAS 8

Koleksi Peta

Koleksi peta adalah bahan terbitan terperingkat yang boleh dirujuk pengguna dengan kebenaran Penasihat Pembaca tetapi tidak boleh dibuat salinan sama ada menggunakan kaedah elektronik, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negara.

ARAS 9

Koleksi Haram

Koleksi Haram adalah terdiri daripada bahan yang berciri subversif, lucah, ajaran sesat dan pelbagai subjek yang melanggar etika dan nilai murni masyarakat Malaysia. Bahan-bahan ini



diklasifikasikan sebagai koleksi haram setelah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mewartakan sebagai bahan haram. Bahan ini tidak boleh dipinjam atau dirujuk tanpa kebenaran bertulis dari Kementerian Dalam Negeri.

ARAS 9

Koleksi Sulit

Koleksi ini merupakan terbitan agensi kerajaan, pihak swasta dan organisasi-organisasi lain yang tidak diedarkan kepada orang ramai. Rujukan kepada bahan ini hanya dibenarkan dengan kebenaran bertulis dari organisasi penerbitan berkenaan.

ARAS 9

Koleksi Terhad

Koleksi terhad adalah terbitan yang dihadkan edarannya oleh penerbit bahan tersebut. Ia boleh dirujuk setelah mendapat kebenaran bertulis dari penerbit bahan tersebut.

ARAS 10

Koleksi Nadir

Bahan ini merangkumi terbitan dari dalam dan luar negara yang diterbitkan sebelum 1900 dan terbitan habis cetak tiada lagi dalam pasaran. Koleksi ini adalah tertutup dan boleh dirujuk dengan kebenaran Penasihat Pembaca.



ARAS 10

Koleksi Peribadi

Ia merupakan koleksi persendirian tokoh/individu tertentu yang diperolehi oleh PNM untuk pemeliharaan dan rujukan. Ia mengandungi Koleksi Abdul Rahman Al-Ahmadi, John Bastin, Aziz Jahpin, Che Ismail Che Daud, Pak Sako, A.Halim Nasir, Cerita Cina Peranakan, Mohd Idris Kamaruddin, Naharuddin Haji Ali, Zaid Ibrahim, Rossem (Rosidi Semail), Zainal Buang Hussein dan Bung Karim. Koleksi ini merupakan koleksi tertutup. Rujukan boleh dibenarkan dengan membuat permohonan di kaunter Penasihat Pembaca.

ARAS 11

Koleksi Manuskrip Melayu

Manuskrip Melayu ialah karya yang bertulis tangan dalam tulisan Jawi yang dihasilkan dalam lingkungan awal kurun ke-16 sehingga awal kurun ke-20. Ilmu yang terakam dalam manuskrip Melayu merangkumi pelbagai bidang perkara seperti kesusasteraan, sejarah, kitab agama, perubatan, undang-undang, ketatanegaraan serta azimat dan petua. PNM merupakan Pusat Manuskrip Melayu terbesar di dunia. Sehingga Disember 2011, jumlah koleksi manuskrip Melayu adalah sebanyak 4,400 naskhah. Salinan mikrofilem manuskrip Melayu disediakan sebagai rujukan, sementara manuskrip asal boleh dirujuk dengan permohonan khas.



katalog induk kebangsaan
 international islamic digital library
 sirih pinang portal yang di-pertuan agong
 i-komuniti mylib yang pertama
 sejarah malaysia bencana tsunami
 setem & netlibrary i-baca
 sampul surat hari pertama i-pakar
 warisan pameran maya perpustakaan negara
 budaya perpustakaan negara
 manuskrip melayu pusaka gemilang
 denggi selesema citra wanita
 burung unggul

Koleksi digital Perpustakaan Negara Malaysia telah disediakan selaras dengan objektif Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA). Koleksi ini meliputi kandungan yang dibangunkan dan terbitan yang didigitasikan.

Antara koleksi digital yang tersedia adalah seperti berikut:

Portal Yang Di-Pertuan Agong
<http://www.malaysianmonarchy.org.my>

Mengandungi maklumat umum mengenai institusi Yang di-Pertuan Agong dan sistem pemerintahan beraja di Malaysia mengikut Perlembagaan Persekutuan. Kandungan portal ini dibahagikan kepada tujuh bahagian utama iaitu Sistem Monarki Malaysia, Kuasa Diraja, Seri Paduka Baginda, Alat Kebesaran Diraja, Adat Istiadat Diraja dan Istana Negara.

Warisan Budaya Malaysia
<http://malaysia.pnm.my>

Memaparkan kekayaan warisan budaya Malaysia yang terdapat di kalangan masyarakatnya yang berbilang bangsa. Laman Web Warisan Budaya Malaysia mengandungi sepuluh (10) segmen utama iaitu adat resam, kesenian, pakaian dan perhiasan, peralatan tradisional, permainan tradisional, perubatan tradisional, sastera rakyat, seni bina, seni halus dan senjata tradisional.

International Islamic Digital Library
<http://www.iidl.net>

International Islamic Digital Library (IIDL) merupakan portal ilmu yang mengandungi maklumat berkaitan Islam dari pelbagai aspek. Kandungan portal ini dibangunkan bersama penyelidik dari dalam dan luar negara

yang mengandungi koleksi manuskrip, buku nadir, artikel majalah, kertas kerja persidangan dan artifak Islam yang menarik dan dipersembahkan dalam bentuk tiga (3) dimensi.

Sejarah Malaysia
<http://sejarahmalaysia.pnm.my>

Laman web ini memaparkan maklumat asas tentang sejarah negara, tokoh-tokoh kebangsaan, asal-usul nama tempat, bangunan warisan, penyohor nama Malaysia, sejarahwan negara dan bibliografi.

MyLib
<http://mylib.pnm.my>

MyLib merupakan gerbang sumber ilmu yang terbahagi kepada dua (2) segmen iaitu Public Domain dan Private Domain. Public Domain menyediakan sumber ilmu dan maklumat percuma seperti e-book, e-newspaper, e-magazines,

e-Maps dan sebagainya. Segmen Private Domain pula menyediakan akses kepada pangkalan data komersial yang dilanggan khusus untuk kegunaan perpustakaan di bawah konsortium.

Katalog Induk Kebangsaan <http://kik.pnm.my>

Katalog Induk Kebangsaan (KIK) merupakan perkhidmatan perkongsian sumber yang dihos dan diselaraskan oleh PNM yang mengandungi deskripsi bibliografi, lokasi dan maklumat pemunya (holdings) serta bahan perpustakaan dalam pelbagai bidang perkara. Ia meliputi deskripsi bahan dalam bentuk bercetak dan tidak bercetak seperti buku, majalah, jurnal, laporan tahunan, surat khabar, peta kaset, video, filem, sumber elektronik, cakera padat dalam pelbagai bahasa.

Manuskrip Melayu Pusaka Gemilang <http://malaysia.pnm.my/manuskrip>

Manuskrip Melayu merupakan karya yang ditulis menggunakan tangan dan kebanyakannya dalam tulisan Jawi. Laman web ini mengandungi maklumat mengenai seni penulisan manuskrip Melayu termasuk bahan atau alat tulis, bentuk tulisan, hiasan dan jilidan, pemuliharaan, cetusan minda dan penghayatan ilmu. Memaparkan pelbagai jenis koleksi seperti hikayat, nazam, kitab agama, perubatan, undang-undang, sejarah, petua, azimat dan ketatanegaraan.

i-Pakar <http://i-pakar.pnm.my>

Menyediakan khidmat bantuan rujukan penyelidikan dalam pelbagai bidang perkara kepada para pengguna. Kumpulan Pakar Maklumat akan membantu pengguna mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam pelbagai jenis. Laman web ini juga menyediakan pautan kepada maklumat seperti:

- Bencana Tsunami
<http://tsunami.pnm.my/>

- Selsema Burung
<http://avianflu.pnm.my>
- Denggi
<http://denggi.pnm.my>

i-Komuniti <http://i-komuniti.pnm/my>

Perkhidmatan Maklumat Komuniti (i-komuniti) merupakan satu perkhidmatan yang diwujudkan bagi membantu masyarakat mencapai maklumat yang diperlukan dalam kehidupan seharian mereka. Perkhidmatan ini menjurus kepada keperluan maklumat komuniti di Lembah Kelang dan menjadi pusat hentian utama bagi maklumat komuniti penduduk Lembah Kelang.

i-Baca <http://www.i-baca.pnm.my>

Memberi maklumat mengenai program dan aktiviti galakan membaca yang dianjurkan oleh PNM dan Perpustakaan Awam Negeri serta institusi terlibat bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk turut serta dalam aktiviti



pembacaan dan literasi maklumat.

Perkhidmatan Maklumat Komuniti Perpustakaan

<http://i-komuniti.pnm.my/>

Perkhidmatan Maklumat Komuniti yang disediakan oleh PNM berusaha untuk memenuhi keperluan maklumat komuniti di Lembah Kelang. Perkhidmatan ini disediakan dengan tujuan untuk membantu masyarakat mencapai maklumat yang diperlukan dalam kehidupan seharian mereka.

Pameran Maya Citra Wanita Unggul

<http://i-baca.pnm.my/citra>

Mengandungi maklumat mengenai tokoh-tokoh wanita di Malaysia dalam pelbagai bidang, peranan dan pencapaian wanita dalam pembangunan negara.

Pameran Maya Yang Pertama

<http://www.pnm.my/yangpertama/>

Kandungan yang dipaparkan dalam laman web ini adalah berasaskan fakta yang telah dipastikan sumber rujukannya seperti 'Hari Ini Dalam Sejarah', The Malaysian Book of Records dan beberapa terbitan lain. Ia memaparkan tentang kejayaan yang julung-julung kali dicapai oleh rakyat dan negara Malaysia dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, bahasa dan kesusasteraan, politik, sukan dan lain-lain.

Pameran Maya Sampul Surat & Setem

<http://setem.pnm.my>

Pameran maya ini adalah berdasarkan kepada Pameran



Setem dan Sampul Surat Hari Pertama yang telah diadakan di PNM dengan kerjasama Persatuan Setem Malaysia pada tahun 1996 dan 1997. Koleksi setem yang terdapat dalam laman web ini disusun mengikut tahun dan tema bermula tahun 1950-an sehingga yang terkini.

Pameran Maya Sirih Pinang Warisan Budaya Melayu

<http://www.pnm.my/sirihpinang>

Laman web ini dibangunkan pada tahun 1999 yang mengandungi sebanyak 1,835 imej dan dikategorikan kepada 28 tajuk perkara berkaitan sirih pinang seperti sekapur sirih, asal-usul, penggunaan, dongeng rakyat, tepak sirih, sirih junjung, kapur, gobek dan lain-lain.

Pameran Maya Perpustakaan Keluarga

<http://pkeluarga.pnm.my>

Kandungan laman web ini dibahagikan kepada beberapa kategori perpustakaan keluarga iaitu rumah desa, rumah pangsa, rumah bandar, rumah banglo, Istana Mestika Shah Alam dan rumah artis

yang berasaskan Pameran Perpustakaan Keluarga yang telah diadakan di PNM pada tahun 1991.

Pangkalan Data

Pangkalan Data Koleksi Perpustakaan (Online Public Access Catalogue)

<http://ils-gateway.pnm.my/>

Merupakan sistem katalog dalam talian yang digunakan untuk membuat carian dan mengesan bahan-bahan yang terdapat di dalam koleksi perpustakaan. Mengandungi butiran maklumat seperti nombor panggilan, status pinjaman dan lain-lain.

Pangkalan Data Direktori Perpustakaan

<http://malysiana.pnm.my/pnm/carian.php>

Mengandungi maklumat dan statistik terkini mengenai perpustakaan di Malaysia seperti Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Majlis Perbandaran, Perpustakaan Akademik dan Perpustakaan Khusus (Gunasama dan Luar Gunasama).

SOALAN LAZIM

Berapakah kadar bayaran bagi pendaftaran keahlian?
 Mulai 13 Oktober 2008, pendaftaran keahlian Perpustakaan Negara Malaysia adalah PERCUMA. Walau bagaimanapun, bayaran sebanyak RM5.00 dikekalkan bagi setiap gantian kad keahlian yang rosak atau hilang.

Adakah salinan sijil kelahiran diperlukan bagi pendaftaran keahlian kanak-kanak?
 Salinan sijil kelahiran diperlukan bagi pendaftaran keahlian kanak-kanak.

Adakah kad pengenalan diperlukan semasa memohon gantian kad keahlian?
 Walaupun data pengguna telah ada dalam rekod, Perpustakaan Negara Malaysia masih memerlukan dokumen tersebut untuk tujuan pengesahan.

Mengapakah bahan koleksi rujukan tidak boleh dipinjam?
 Bahan-bahan koleksi rujukan tidak terdapat di bahagian pinjaman kerana bahan tersebut lebih berbentuk akademik dan sesuai digunakan untuk tujuan penyelidikan, manakala buku/bahan di bahagian pinjaman adalah lebih berbentuk bahan bacaan ringan.

Apakah keistimewaan yang diperoleh menerusi keahlian keluarga?
 Pembaca/pengguna yang mendaftar menerusi keahlian keluarga boleh meminjam bahan/buku bagi pihak ahli keluarga yang lain tanpa kehadiran ahli keluarga tersebut.


BAGAIMANAKAH CARA UNTUK KE PNM?

Dari Pasar Seni (Central Market).
 Menaik Bas RapidKL B103, B102 ke Perhentian Titiwangsa (Terminal Bas Pekeliling). Transit menaiki bas RapidKL B114 dari Perhentian Titiwangsa ke PNM.

Dari Kg. Baru, Keramat, KLCC (Kuala Lumpur Convention Center)
 Menaiki Bas Metro No. 16 ke perhentian bas Kg. Baru (bersebelahan Stesen Minyak Petronas). Jalan kaki menghala Institut Jantung Negara untuk menaiki jejantas menghala ke Perpustakaan Negara Malaysia.

Dari KLCC (Kuala Lumpur Convention Center)
 Menaiki Bas RapidKL B114 ke Institut Jantung Negara (IJN). Jalan kaki menaiki jejantas menghala ke Perpustakaan Negara Malaysia.



Perpustakaan Negara Malaysia  232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

www.pnm.gov.my

